

# Pemeriksaan berkala untuk kenal pasti kerosakan

## MUKADIMAH

Kejadian tiga kanak-kanak mati akibat terjatuh dari apartmen awal tahun ini menggemparkan semua pihak. Wartawan **Kosmo**, **Mohd. Hafizi Ahmad** mewawancara Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Muhammad Fauzi Mohd. Zain (**gambar**) mengenai keselamatan kediaman bertingkat ini.



**Kosmo:** Kes kematian kanak-kanak akibat terjatuh dari apartmen awal tahun ini menimbulkan kebimbangan orang ramai mengenai tahap keselamatan kediaman mereka. Adakah aspek keselamatan di kediaman bertingkat di negara selamat dan mematuhi piawaian ditetapkan?

**Dr. Muhammad Fauzi:** Mengikut undang-undang di Malaysia, hampir semua bangunan mempunyai piawaian seperti Perakuan Siap dan Pematuhan atau Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan



Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam. Perlu dibuat penambahbaikan agar garis panduan tersebut memberi lebih penerangan kepada isu-isu keselamatan bermula daripada prapembinaan, semasa pembinaan dan pascapembinaan iaitu semasa bangunan itu diduduki.

**KERATAN Kosmo!** 31 Januari 2015.

(CF). Ada antara sijil tersebut diperbaharui dengan kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (bomba).

Sekiranya ada risiko tidak selamat ditemui, pihak berkenaan akan mengeluarkan notis untuk penyenggaraan dan penambahbaikan. Untuk bangunan komersial, pemeriksaan berkala oleh pihak bomba dilakukan setiap tahun, tetapi untuk bangunan perumahan tidak dapat dipastikan.

**Penghadang atau bentuk koridor yang bagaimanakah lebih sesuai dan selamat untuk kediaman?**

Pihak yang terlibat melihat kembali ke-berkesanan penggunaan garis panduan

ibu bapa di mana kanak-kanak yang tidak dipantau memanjat tembok balkoni rumah. Adakah perlu setiap pemilik kediaman memasang jeriji tambahan?

Isu keselamatan dan nyawa perlu diberi keutamaan berbanding nilai estetik rekabentuk atau kos pembinaan. Terdapat jurubina termasuk kontraktor kurang memberi perhatian kepada isu-isu keselamatan kerana kebimbangan pertama dalam kos pembinaan. Oleh itu, penggunaan jeriji tambahan di balkoni boleh dilakukan bagi menambahkan lagi ciri-ciri keselamatan.

**Terdapat sesetengah penghuni meletakkan barangan lain seperti kerusi dan pasu bunga di kawasan balkoni dan koridor apartmen mereka.**

Pemantauan daripada ibu bapa, komuniti setempat, pihak berwajib perlu dilaksanakan secara rutin. Penghuni juga perlu bertanggungjawab kerana mereka sentiasa terdedah kepada pelbagai risiko.

**Berapa kerapkah besi penghadang koridor itu perlu diperiksa?**

Pemeriksaan berkala perlu dibuat setiap bulan kerana ada kemungkinan berlakunya perbuatan vandalisme atau perkara-perkara buruk yang di luar kawalan. Pemantauan mesti dibuat bagi memastikan jeriji balkoni tidak berkarat dan reput serta tidak kuat untuk terus digunakan sebagai penghadang.

**Terdapat kes melibatkan kecuai**